

# Media Singapura perlu

BH 15 APR 2000

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

MINGGU lalu, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, menegur keceluparan media negaranya kerana memburuk-burukkan pemimpin Malaysia. Teguran Goh itu dibuat selepas rencana New Straits Times Singapura yang ditulis kolumnisnya, Chua Lee Hoong, menyelar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Chua turut mengkritik Malaysia sebagai satu-satunya negara di 'Asia yang tidak mengalami perubahan kepemimpinan pada dekad lalu dan dasar ekonomi negara ketika krisis Asia, terutama kawalan modal terpilih.

Dalam ulasan pertama Goh mengenai rencana yang menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia itu, Goh berkata, beliau dan kerajaannya tidak pernah percaya dalam Malaysia-bashing atau menjatuhkan rakan sejawatannya, Dr

Mahathir. Kata Goh, Malaysia yang stabil, Malaysia yang membangun di bawah keutuhan Umno, serta kekuatan pemimpin Barisan Nasional penting bagi Singapura. "Jadi, saya tidak setuju langsung dengan pandangan kolumnis, Chua Lee Hoong," katanya.

Teguran Goh itu dihargai Malaysia kerana sekurang-kurangnya ia dapat menjelaskan pendirian Kerajaan Singapura terutama dalam melindungi hubungan baik antara kedua-dua negara. Bagi Goh, Singapura dan Malaysia tidak akan dapat apa-apa daripada peperangan media yang tercetus sekian lama itu.

Bagaimanapun, teguran Goh itu hanya dilihat sebagai kata-kata yang tidak dipandang endah media negaranya kerana sebelum ini, Goh juga pernah membuat teguran yang sama. Jun lalu,

## ANALISIS

Goh turut meminta surat khabar Singapura supaya lebih berhati-hati dalam memberi komen mengenai politik Malaysia apabila beliau mengkritik penulis lidah pengarang Business Times, yang mencadangkan Dr Mahathir meletakkan jawatannya.

Namun, teguran hanya tinggal teguran. Selepas tulisan Chong disiarkan, menurut laporan sebuah akhbar bahasa Inggeris, buletin berita Mandarin Saluran 8 TCS kemudiannya menyiarkan berita bahawa satu wabak penyakit tangan, kaki dan mulut sedang berlaku di negara ini dan menasihatkan rakyat Singapura supaya tidak mengunjungi Malaysia.

## waspada mengenai isu Malaysia

Persoalannya, jika Goh hanya mampu menegur tanpa mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kelantangan medianya yang seolah-olah tidak puas memperkecilkan sistem negara ini, apakah peperangan media antara Malaysia dan Singapura akan berakhir (sebagaimana yang Goh ingini)?

Sedar atau tidak, Goh bahawa setiap kritikan yang dilemparkan ke negara ini, media Singapura seolah-olah mempunyai agenda yang tersembunyi di sebaliknya, sama ada mereka ingin menyampaikan ketidakpuasan mereka terhadap sistem negara sendiri dengan mengambil Malaysia sebagai contoh. Atau mungkin juga, mereka disogok oleh pihak lain yang iri hati dengan pencapaian Malaysia.

Bak kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna,

Tan Sri Muhyiddin Yassin: "Tulisan Chua itu mengandungi unsur subversif kerana cuba menghasut rakyat Malaysia supaya hilang keyakinan dan membenci pucuk kepemimpinan negara. Jika dilihat daripada kandungan penulisan, tidak mustahil ada dalang di sebalik laporan itu."

Sebagai institusi yang dihormati masyarakat, media sepatutnya memainkan peranan yang membina hubungan antara Malaysia dengan Singapura, bukan sebaliknya. Namun sekiranya peperangan antara kedua-duanya berterusan, apakah ini dapat dicapai?

Pemerhati politik berpendapat peperangan media akan terus berlarutan kerana sehingga media Singapura tidak lagi bijak mengatur kata-kata yang lebih tepat dan benar mengenai Malaysia, sehingga itulah media negara ini

tidak akan berhenti dari menangkis keceluparan mereka.

Mungkin pemimpin Malaysia boleh bersabar demi menjaga semangat setia kawan kedua negara, namun ia sukar bagi rakyat Malaysia menelannya begitu saja. Ini kerana, pembinaan negara Malaysia lebih kepada kekuatan jati diri dan semangat patriotik yang utuh.

Dalam konteks ini, semangat cinta kan negara bukan bermakna rakyat akan bangun untuk berperang, tetapi perasaan marah terhadap kelantangan media Singapura boleh membawa kepada penyatuan yang lebih kukuh serta peningkatan dalam pembangunan ekonomi, kerana rakyat tahu, bahawa "jiran yang angkuh" itu hanya takut dan mempunyai perasaan tidak selamat dengan kemakmuran yang dikecapi Malaysia.